



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : ATURCARA KONTRAK
DAN TAKSIRAN

KOD MATA PELAJARAN : BBT 4462

KURSUS : SARJANA MUDA
PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2010

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN :

BAHAGIAN A : JAWAB SEMUA SOALAN
BAHAGIAN B : JAWAB 2 SOALAN SAHAJA

BAHAGIAN A

S1 Nyatakan lima kriteria dalam syarat-syarat pendaftaran kontraktor

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____
- v) _____

(5 markah)

S2 Nyatakan tugas-tugas sebagai pemaju projek

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____

(4 markah)

S3 Berikan makna PERKESO?

(2 markah)

S4 Nyatakan empat perkara yang diinsuranskan di bawah insuran kerja.

- i) _____
- ii) _____

(4 markah)

S5 Apakah yang dikatakan sebagai *Public Liability*?

(2 markah)

S6 Nyatakan proses bayaran kepada Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor*).

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

(3 markah)

S7 **Rajah S7 (a)** dan **Rajah S7 (b)** pada **LAMPIRAN I** menunjukkan pelan sub struktur sebuah bangunan setingkat dan butiran untuk asas jalur. Berdasarkan maklumat yang diberi dalam rajah itu, sediakan satu senarai kuantiti dan anggarkan kos pembinaan bagi kerja-kerja berikut:

- (i) penggalian parit
- (ii) konkrit untuk asas

Maklumat penting :

Kadar kos :	menggali parit	=	RM5.50/m ³
	konkrit untuk asas	=	RM13.50/m ³

(Gunakan borang pada **LAMPIRAN II** dan **LAMPIRAN III** yang disediakan bagi menjawab soalan ini)

(30 markah)

BAHAGIAN B

S8 Konkrit padu (1:2:4: - 20mm batu baur) digaul dengan mesin penggaul untuk lantai bawah. (unit meter padu).

Binakan kadar kos bagi 1.0 meter padu konkrit tersebut.

Maklumat-maklumat di bawah adalah berkaitan:

1.0 meter padu simen	=	28.7 kampil
1.0 kampil simen	=	RM 14.00
1.0 meter padu pasir	=	RM 25.00
1.0 meter padu batu baur	=	RM 30.00
Upah seorang pekerja am untuk satu hari (2 orang pekerja digunakan)	=	RM 50.00
Jangka masa yang diambil oleh buruh untuk mengangkut, menuang dan menggetar 1.0m ³ konkrit	=	5.0 jam
Mesin penggaul disewa sebulan (Sewaan berdasarkan hari bekerja sahaja)	=	RM 1,500.00
Hari bekerja sebulan	=	25 hari
Insuran mesin penggaul setengah tahun (Anggap satu bulan ialah 30 hari)	=	RM 900.00
Daya pengeluaran mesin penggaul (9/6)	=	5.0 m ³ /jam
1.0 liter minyak disel	=	RM 1.10
1.0 liter minyak pelincir	=	RM 6.00

Calon dibenarkan membuat andaian dan anggaran sendiri jika maklumat yang diberikan di atas tidak mencukupi tetapi hendaklah bersesuaian dengan kadar kerja sebenar di tapak binaan.

(25 markah)

S9 Penilaian tender merupakan satu proses yang penting untuk memastikan kontraktor yang dipilih dapat melaksanakan kerja. Bincangkan faktor yang diambil kira dalam memilih kontraktor yang berkelayakan.

(25 markah)


S10 Unit kadar adalah bagi mata benda kerja yang dikira pada unit ukuran tertentu di mana ianya meliputi kesemua harga-harga yang mempengaruhi kos seperti bahan, buruh, peralatan, pengurusan dan perolehan kepada syarikat. Unit-unit kadar bina harga meliputi perkara-perkara di bawah :

- i. Kos bahan
- ii. Kos buruh
- iii. Kos loji dan peralatan
- iv. Kos pengurusan
- v. Kadar keuntungan


Huraikan dengan ringkas setiap unit kadar bina harga tersebut yang digunakan untuk mendapatkan kadar harga setiap kerja dalam pembinaan.

(25 markah)

LAMPIRAN I



Rajah S7 (a)



Rajah S7 (b)

Semua ukuran dalam mm adalah tengah ke tengah.

Projek :
.....

Tarikh :
Muka Surat :

Handwritten signature

Handwritten signature

LAMPIRAN II

[Handwritten signature]

Projek :

Tarikh :
Muka Surat :

Butiran	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar		Jumlah	
				RM	Sen	RM	Sen
JUMLAH							